

# PAS diharap tak goyah pertahankan perjuangan asal

**Kuala Lumpur:** PAS diharap tidak goyah dalam mempertahankan hudud kerana perlembagaan parti itu jelas menyatakan ia mahu mempertahankan Islam dan memperjuangkan sunah Rasulullah.

Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Dr Samsul Adabi Mamat (**gambar**), berkata sejak pakatan pembangkang wujud, PAS dilihat banyak mengorbankan perjuangan asal namun perkara itu tidak pernah dinyatakan secara jelas oleh pemimpinnya.

Katanya, hanya kali ini Presiden PAS Datuk Seri Hadi Awang, berani mahu mem bawa Rang Undang-Undang (RUU) Persendirian berkaitan pelaksanaan hudud ke Parlimen dan ia dianggap tanda parti itu sudah kembali kepada perjuangan asalnya.



“PAS dari dulu diketahui memperjuangkan Islam dan tidak sekufu dengan DAP tetapi kerana ada matlamat sama, mereka bertindak membentuk pakatan pembangkang bagi menghadapi Barisan Nasional (BN).”

“DAP sedar mereka masih perlukan PAS, disebabkan itu tidak memutuskan hubungan dengan parti, sebaliknya hanya dengan Hadi,” katanya.

DAP sebelum ini memutuskan kerjasama dengan Hadi selain menyifatkan Ahli Parlimen Marang itu sebagai pengkhianat dan tidak bermaruah kerana didakwa membelakangkan konsensus pakatan pembangkang selepas Dewan Undangan Negeri Kelantan meluluskan Enakmen Kanun Jenayah Syariah II 1993 (Pindaan 2015).

DAP juga tidak senang apabila Hadi menyerahkan notis untuk membentangkan Rang Undang-Undang Persendirian bagi membolehkan hudud dilaksanakan.

Fasal 7 Perlembagaan PAS menyatakan hukum tertinggi dalam pegangan parti adalah kitab Allah (al-Quran) dan sunah Rasulullah serta ijmak, ulama dan qias.

Samsul berkata, semua keputusan kini terletak di tangan Hadi dan Jawatankuasa Pusat PAS bagi menentukan hala tuju parti itu termasuk kemungkinan meninggalkan pakatan pembangkang.

Ahli Jawatankuasa PAS Pusat, Khalid Samad, yang dilihat berada dalam kumpulan profesional dalam PAS berkata, beliau akan menyokong Hadi jika RUU Persendirian berkaitan hudud dilulus bagi dibentangkan.